

# LATIHAN KEM TAHUNAN PALAPES UDARA UNIVERSITI AWAM (UA) TAHUN 2018

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/2944-latihan-kem-tahunan-palapes-udara-universiti-awam-ua-tahun-2018](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/2944-latihan-kem-tahunan-palapes-udara-universiti-awam-ua-tahun-2018)

SINTOK, 23 Jan 18 – Markas Pasukan Simpanan Tentera Udara (MPSTU) mengkoordinasikan Latihan Kem Tahunan PALAPES Udara Universiti Awam Tahun 2018 pada 22 Jan hingga 5 Feb 18 bertempat di Universiti Utara Malaysia. Latihan yang melibatkan 5 buah Universiti Awam ini iaitu, Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) merupakan aktiviti tahunan MPSTU.

Seramai 105 Pegawai Sukarela PSSTUDM dan 657 Pegawai Kadet PALAPES Udara telah mulai tiba di UUM mulai jam 1.00 tengahari 22 Jan 18. Latihan ini juga melibatkan seramai 10 Pegawai dan 55 Jurulatih dan Staf. Pelbagai aktiviti telah disusun dan diatur sepanjang 2 minggu latihan ini berlangsung.

Antara aktiviti yang telah berlangsung adalah Pertandingan Kawad Kaki di Padang Kawad Markas PALAPES UUM yang dimenangi oleh Unit PALAPES Udara Universiti Sultan Zainal Abidin manakala Ketua Platon terbaik disandang oleh PRM Ahmad Fikri bin Khairudin dari Unit PALAPES Udara Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Upacara penyampaian hadiah telah disempurnakan Pengarah PSTU, YBhg Kol Muhammad Shafiq bin Jahudi TUDM. Tahniah kepada semua yang menang.



